

Bil. (72) dlm. P.KEW.N.PK.DR. 50/2/1-3



**Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan
Bil. 7 Tahun 2008**

Semua Pegawai Pengawal

**Pindaan Kepada Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan
Bil. 3 Tahun 2008 Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat
dan Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Awam**

Melalui Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil.3 Tahun 2008 Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat dan Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Awam, antara syarat yang ditetapkan adalah penggunaan kemudahan hotel untuk penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ *retreat* hendak dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja dan diberi keutamaan kepada premis Kerajaan. Jabatan/ Agensi yang tidak ada kemudahan dan perlu menyewa kemudahan hotel perlu mendapat kelulusan Y.B. Pegawai Kewangan Negeri. Keutamaan hendaklah diberikan kepada hotel-hotel dalam negeri Perak yang mana lebih ekonomi dan menjimatkan.


2. Kerajaan telah mempertimbangkan perkara ini dan bersetuju untuk membenarkan semula penggunaan hotel tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut dengan mendapat kelulusan Y.B. Pegawai Kewangan terlebih dahulu. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Ketua Agensi untuk memastikan perbelanjaan yang berbangkit adalah terkawal dan dianjurkan secara sederhana serta mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

4. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Kewangan ini, perenggan 23 dan 24 dalam Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil.3 Tahun 2008 adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : **2** September 2008